

Harga barang di pintu kilang catat penurunan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang, turun 0.3 peratus (tahun ke tahun) pada Oktober 2023 selepas mencatatkan peningkatan 0.2 peratus pada September 2023, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sektor pembuatan turun 0.7 peratus pada Oktober 2023, membawa kepada penurunan dalam indeks keseluruhan bulan berkenaan.

"Subsektor yang menyebabkan penurunan ini adalah pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-8.8 peratus), pembuatan produk makanan (-4.2 peratus) serta pembuatan bahan kimia dan produk kimia (-2.0 peratus)," katanya dalam kenyataan mengenai Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia Oktober 2023 yang dikeluarkan semalam.

Beliau berkata, pada masa sama, indeks bekalan elektrik dan gas juga turun 0.5 peratus.

Sementara itu, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat 3.8 peratus disebabkan oleh peningkatan dalam indeks pengeluaran ternakan (4.3 peratus) dan penanaman tanaman kekal (3.8 peratus), katanya.

Beliau berkata, sektor perlombongan juga mencatatkan peningkatan kecil 0.5 peratus pada Oktober 2023 berbanding 6.9 peratus pada bulan sebelumnya, disokong oleh indeks pengekstrakan petroleum mentah (5.6 peratus), manakala indeks bekalan air meningkat sebanyak 1.0 peratus.

Mohd Uzir berkata, pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan susut 0.3 peratus pada Oktober 2023 selepas mencatatkan peningkatan 0.9 peratus pada bulan sebelumnya.

"Pada asas bulanan juga, indeks bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya merekodkan tiada perubahan pada bulan ini," katanya.

Beliau berkata, walau bagaimanapun barang siap menurun sebanyak 0.6 peratus dan bahan perantaraan, bekalan dan komponen juga turun 0.2 peratus pada Oktober 2023.

Ketua Perangkawan berkata, konflik di Asia Barat, yang terbaharu dalam kejadian yang luar biasa meningkatkan risiko geopolitik kepada pasaran komoditi global yang telah sedia tidak menentu.

Beliau berkata, sebelum konflik meletus, harga tenaga meningkat pada suku ketiga 2023 berdasarkan indeks harga komoditi Bank Dunia, berikutan pemotongan bekalan minyak secara sukarela oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksporth Petroleum (OPEC).

BERNAMA